

DAP ajak parti komponen BN kerjasama sekat Umno masuk Sarawak

Malaysian Insider

Feb 12, 2014

OLEH DESMOND DAVIDSON

DAP Sarawak menggesa parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk berkerjasama dengan Pakatan Rakyat (PR) supaya Umno tidak memasuki negeri itu.

Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jen mahukan undang-undang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi memastikan Umno tidak cuba masuk ke Sarawak.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud agar "Sarawak untuk orang Sarawak" dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang menyatakan "Umno tidak patut masuk Sarawak".

"Apa yang perlu dilakukan adalah untuk merasmikannya dalam DUN.

"Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Zahid Hamidi sendiri berkata Umno akan menghormati 'acuan Sarawak'.

"Jadi, jika ini yang ramai pihak mahukan, apa yang perlu dilakukan sekarang hanyalah untuk merasmikannya," katanya kepada The Malaysian Insider di Kuching.

"Umno memang sudah lama tidak dimahukan oleh rakyat Sarawak. Saya digantung daripada DUN kerana saya samakan Menteri Perumahan, Datuk Amar Abang Johari dengan ahli politik Umno.

"Penggantungan saya membuktikan bahawa rakyat Sarawak jijik dengan Umno kerana tidak dapat menerima apabila seorang rakyat Sarawak disamakan dengan ahli politik Umno, lantas saya digantung daripada DUN Sarawak," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Sentosa itu merujuk kepada penggantungan jawatannya November lalu.

Chong, yang juga merupakan ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, Umno ditolak rakyat Sarawak bukan kerana ia parti dari Semenanjung Malaysia, tetapi kerana ia merupakan parti yang berunsurkan perkauman.

"Politik sebegini tidak mendapat tempat di Sarawak," katanya.

Chong berkata, pengakuan umum oleh pemimpin BN Sarawak bahawa Umno tidak dimahukan di sini, "tidak bergantung dengan sebarang undang-undang".

Beliau berkata, jika penyelesaian 10 perkara Kabinet tidak dipatuhi pejabat kerajaan, kenyataan menteri hanya setakat kenyataan media, dan tidak lebih daripada itu.

"Tiada undang-undang rasmi yang diluluskan oleh DUN Sarawak, untuk memastikan Umno tidak memasuki Sarawak.

"Jika BN Sarawak serius untuk menghalang Umno memasuki negeri ini, ini adalah peluang terbaik untuk merasmikan cadangan ini di DUN.

"Perhimpunan khas boleh dianjurkan untuk merasmikan cadangan tersebut bagi kebaikan semua rakyat Sarawak," katanya.

Beliau berkata, walaupun cadangan beliau itu ditolak BN dalam persidangan sebelum ini, DAP akan tetap menggenepikan politik partisan dan menyokong sebarang cadangan yang dikemukakan BN untuk menolak Umno di Sarawak.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kongres Dayak Nasional (DNC) juga menyokong kenyataan Setiausaha-Agung BN, Datuk Dr Stephen Rundi, minggu lalu yang mengatakan bahawa kerajaan negeri akan mempertahankan hak Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia dan hak Bumiputera di Sarawak tidak diganggu Umno. - 12 Febuari, 2014.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-ajak-parti-komponen-bn-kerjasama-sekat-umno-masuk-sarawak>